

Bersama-sama ini saya kepilkan :-

- (i) Pelan lokasi dengan panduan no.tiang letrik atau lain-lain yang mudah dikenalpasti.
- (ii) Pelan tapak diwarnakan kawasan untuk tambunan. Nyatakan ukuran dan keluasan.
- (iii) Geran tanah/carian lot tanah.
- (iv) Dokumen jual beli (jika berkaitan)
- (v) Power Attorney (PA) (jika berkaitan)
- (vi) Pelan ukur aras daripada jurukur bertauliah dengan aras berpandukan Bench Mark (BM) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) berdasarkan aras S.O.D.
- (vii) Salinan surat kelulusan pelan bangunan & syarat-syaratnya
- (viii) Salinan pelan bangunan (pelan tapak dan lukisan keratan bangunan-bangunan)
- (ix) Pelan asas
- (x) Pelan tapak dengan maklumat cadangan aras "Finished Ground Level" (FGL), "Finished Road Level" (FRL), "Finished Floor Level" (FFL), menyatakan kedudukan besen basuh tayar lengkap dengan jet air tekanan tinggi, laluan keluar konkrit sebelum jalan awam, kolam enapan dan parit tanah sementara hendaklah ditunjukkan.
- (xi) Kiraan terperinci untuk korekan dan tambunan.
- (xii) Gambarfoto tapak (bahagian hadapan dan belakang tapak)
- (xiii) Mengemukakan laluan pengangkutan tanah dan mengemukakan kebenaran bertulis dari pemilik tanah (jika berkaitan).
- (xiv) Jurutera perunding membuat perakuan seperti dalam Borang C – Perakuan Kerja Tanah Kecil bagi butiran berikut:-
 - a) Mengorek untuk lubang asas tapak yang tidak melebihi tiga meter kali tiga meter untuk **bangunan kediaman** yang sekurang-kurangnya tiga meter jauh dari sempadan dan tidak melebihi tiga meter ke dalam.
 - b) Mengorek untuk asas tapak yang tidak melebihi tiga meter ke dalam jikalau pengorekan bukan maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan disitu tidak ada bangunan diharta bersebelahan.
 - c) Mengorek dalam tapak tidak melebihi tiga meter ke dalam dan melebihi tiga meter jauh dari sempadan dan untuk pengorekan itu cerucuk tidak dikehendaki.

Nota : (a) (*) Sila potong yang tidak berkenaan
(b) Untuk perkara (2) dan (3) sila isi mana berkaitan

.....
Tandatangan Pemilik Tanah & Bangunan

Nama Pemilik Tanah & Bangunan :
Alamat Pemilik Tanah & Bangunan: :

.....
No. Telefon:Alamat e-mail :.....

Yang Benar,

.....
Tandatangan & Cop
Jurutera Perunding Bertauliah

Nama :
Alamat :
.....
No. Tel : Alamat e-mail :

SYARAT-SYARAT :-

A. Syarat-syarat utama untuk layak memohon Pengecualian Pelan Kerja Tanah:-

1. Keluasan kerja tanah tidak melebihi 929 m persegi (10,000 ka persegi) dan isipadu tambunan tidak melebihi 383 m padu (500 ela padu).
2. Bukan kawasan penanaman padi dalam kawasan pengairan (Dibawah Akta Kawasan Pengairan 1953)
3. Tidak ada kerja “basemen”(aras bawah tanah)
4. Tidak ada dibina “retaining wall”
5. Bangunan tidak melebihi 2 tingkat.
6. Kerja tanah tidak melibatkan lereng bukit.

B. Kerja Tanah Kecil Yang Boleh Dikecualikan Pelan Kerja Tanah.

1. Mengorek untuk landskap tanpa struktur sedalam tidak melebihi tiga meter.
2. Mengorek untuk menanam atau membantun pokok-pokok atau tiang-tiang sedalam tidak melebihi tiga meter.
3. Mengorek untuk pembinaan lurang dan memasang paip sedalam tidak melebihi tiga meter.
4. Mengorek untuk lubang asas tapak yang tidak melebihi tiga meter kali tiga meter untuk **bangunan kediaman** yang sekurang-kurangnya tiga meter jauh dari sempadan dan tidak melebihi tiga meter ke dalam.
5. Mengorek untuk asas tapak yang tidak melebihi tiga meter ke dalam jikalau pengorekan itu bukan maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan disitu *tidak ada bangunan diharta bersebelahan*.
6. Mengorek dalam tapak tidak melebihi tiga meter ke dalam dan melebihi tiga meter jauh dari sempadan dan untuk pengorekan itu cerucuk tidak dikehendaki.
7. Untuk butiran-butiran 4, 5 dan 6, pengecualian akan diberi hanya jika Jurutera mengemukakan suatu perakuan dalam Borang C *Jadual Ketiga*.

C. Syarat-syarat kelulusan Pengecualian Pelan Kerja Tanah adalah seperti berikut:-

1. Mematuhi aras pembangunan minima di kawasan Seberang Perai iaitu 2.13m SOD.
2. Pemohon bertanggungjawab ke atas pembersihan jalan pada laluan keluar/masuk semasa kerja tanah sedang di jalankan, keselamatan, lalulintas, pemasangan pagar (jika perlu) dan bertanggungjawab untuk membaik pulih atas kerosakan harta kerajaan atau harta persendirian.
3. Pemohon dikehendaki membina parit keliling pada paras tanah (jiran) di kawasan lot pemohon supaya tidak mengganggu pemilik berjiran.
4. Mengemukakan pelan tapak kedudukan laluan keluar konkrit, kolam cetek cuci tayar atau setaraf, kolam enapan jika berkaitan dan parit tanah sementara serta mengadakan di tapak keperluan tersebut.
5. Sebarang aduan kejadian kacauganggu semasa aktiviti kerja tanah berjalan, pihak pemohon/jurutera perunding/pemaju/pemilik tanah dikehendaki memberhentikan sebarang aktiviti kerja tanah tersebut dan bertanggungjawab menyelesaikan kacau ganggu dengan segera dan mengemukakan laporan bertulis kepada MBSP.
6. Pihak Majlis berhak menarik balik kelulusan pengecualian ini jika mendapati pemohon melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dan boleh dikenakan tindakan Undang-Undang.
7. Kelulusan pengecualian dari kehendak- kehendak Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992 tidak akan melepaskan dari tanggungjawab ke atas mana-mana pihak untuk kerosakan yang disebabkan oleh kerja tanah tersebut.
8. Saya bersetuju menggantirugi dan terus menggantirugi Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian, tindakan atau prosiding yang boleh diambil terhadapnya yang disebabkan oleh dan akibat daripada kerja tanah tersebut.
9. Bagi kawasan Perindustrian Perai yang mana aras pembangunan tidak mencapai aras minima pembangunan di Seberang Perai iaitu 2.13m SOD dan sistem perparitan adalah dikawal oleh Sistem Pam Banjir, pemaju dikehendaki mengemukakan surat aku janji yang mengatakan "Kami memahami aras pembangunan adalah tidak mencapai keperluan aras pembangunan di Seberang Perai iaitu minima 2.13m SOD. Oleh yang demikian kami melepaskan pihak MBSP dari apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian, tindakan atau prosiding yang boleh diambil terhadapnya yang disebabkan oleh dan akibat daripada aras pembangunan yang tidak mencapai aras minima bagi pembangunan di Seberang Perai tersebut".
10. Mengadakan di tapak papan tanda Pengecualian Pelan Kerja Tanah seperti berikut:-

Tajuk : Kerja Tanah Pengecualian Untuk Cadangan
(nyatakan Lot/Mukim/Daerah)

Untuk Tetuan: (Nyatakan)

No. Rujukan Kelulusan MBSP: Bil.()dlm.MPSP/50/9-.....

Bertarikh:.....

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974
UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1992**

**BORANG C
PERAKUAN KERJA TANAH KECIL
(Butiran 4, 5 atau 6 Jadual Kedua)**

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Seberang Perai,

Saya memperakui bahawa kerja penggalian yang akan
dijalankan atas lot/lot-lot.....
Seksyen/Mukim.....
Jalan.....
Bagi.....
.....

ialah kerja tanah yang bersifat kecil menurut Jadual Kedua
Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran
Seberang Perai) 1992

2. Saya difahamkan bahawa pengecualian dari kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992 tidak akan melepaskan saya dari tanggungjawab ke atas mana-mana pihak untuk kerosakan yang disebabkan oleh kerja tanah tersebut.
3. Saya bersetuju juga menggantirugi dan terus menggantirugi Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk apa-apa tuntutan, kerosakan ,kerugian, tindakan atau prosiding yang boleh diambil terhadapnya yang disebabkan oleh dan akibat daripada kerja tanah tersebut.

Bertarikh.....

.....
Jurutera

Nama.....

Profesyen.....

Alamat.....

No. pendaftaran Lembaga Jurutera-Jurutera.....